



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : **PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN**
KOD KURSUS : **DKM 2142**
PEPERIKSAAN : **OKTOBER 2018**
MASA : **2 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)**
 - BAHAGIAN B (60 Markah)**
 - BAHAGIAN C (20 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Di Malaysia badan manakah yang menjalankan *Training Consultant*?
 - A NIOSH
 - B DOSH
 - C OSHRIC
 - D HAZWOPER

2. NIOSH ialah satu agensi yang bergabung dengan OSHA. Ia bertanggungjawab untuk _____.
 - A memeriksa pekerja-pekerja yang mempunyai penyakit berpunca daripada pekerjaannya.
 - B memberikan pandangan mengenai kesesuaian pekerjaan kepada pekerja-pekerja yang sakit.
 - C menilai lokasi bahaya di tempat kerja dari segi penggunaan bahan kimia sehingga penggunaan mesin.
 - D menguatkuasakan undang-undang mengenai kesilapan yang dilakukan oleh pihak industri dari segi lokasi bahan kimia dan mesin.

3. Pemadam api jenis manakah yang sesuai untuk memadamkan kebakaran yang berpunca daripada sumber elektrik?
 - A Jenis A
 - B Jenis B
 - C Jenis C
 - D Jenis D

4. Pencemaran visual terjadi disebabkan oleh ____.
- A hingar jalan raya
 - B penyinaran lebihan
 - C pemusnahan alam fizikal
 - D peresapan bahan kimia bahaya
5. Apakah jenis pengadang keselamatan yang bergerak berdasarkan pergerakan bahan yang dimasukkan ke dalam mesin untuk dihantar ke bahagian yang bahaya pada mesin?
- A Tetap
 - B Auto laras
 - C Saling mengunci
 - D Boleh laras sendiri
6. *Hose* api adalah peralatan yang sangat penting dalam memadam kebakaran. Apakah fungsi bagi *Hose*?
- A Sejenis paip air yang dibina ke dalam bangunan bertingkat.
 - B Sistem pemercik api untuk perlindungan kebakaran yang aktif.
 - C Hos tekanan tinggi yang membawa air atau bahan kalis api lain untuk memadamkan api.
 - D Melindungi kawasan-kawasan yang mengandungi peralatan berharga atau kritikal seperti bilik pemprosesan data, suis telekomunikasi dan bilik kawalan proses.
7. Kegagalan pendawaian elektrik yang sempurna akan mengakibatkan berlakunya kemalangan seperti berikut **KECUALI** ____.
- A litar pintas
 - B kebocoran arus
 - C renjatan elektrik
 - D peralatan elektrik yang baik

8. Apakah yang dimaksudkan dengan *conveyors*?
- A Peralatan untuk mengangkat dan menurunkan barang.
 - B Kenderaan untuk mengangkat peralatan dengan menggunakan gear.
 - C Sistem penghantar untuk pengendalian mekanikal yang bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain.
 - D Sejenis mesin yang dilengkapi dengan pesawat angkat tali, wayar atau rantai dan pencangkuk untuk mengangkat bahan yang lebih berat dan bergerak secara mendatar.
9. Apakah jenis alat pemadam api yang sesuai digunakan bagi memadamkan kebakaran yang berpunca daripada kayu?
- A Air
 - B Buih
 - C Serbuk kering
 - D Karbon monoksida
10. Tiga perkara yang diperlukan untuk menghasilkan api adalah _____.
- A oksigen, api dan air
 - B suhu, oksigen dan air
 - C bahan bakar, suhu dan oksigen
 - D bahan bakar, suhu dan karbon dioksida

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan takrif bagi OSHA.
(2 markah)
- b. Senaraikan **TIGA (3)** tanggungjawab majikan terhadap pekerjaanya.
(3 markah)
- c. Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan satu kewajipan bagi setiap organisasi. Huraikan **LIMA (5)** kesan OSHA kepada organisasi.
(10 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan maksud kemalangan.
(2 markah)
- b. Syarikat A telah memasang alat untuk mengesan dan mengawal kebakaran bagi mengelakkan kebakaran berlaku. Berikan **EMPAT (4)** jenis alat untuk mengesan kebakaran dan kebocoran gas.
(4 markah)
- c. Huraikan **TIGA (3)** langkah yang boleh diambil bagi menjaga keselamatan dalam bangunan di tempat kerja.
(9 markah)

SOALAN 3

- a. Bagaimana kebakaran dikelaskan dan nyatakan **EMPAT (4)** jenis api tersebut.

(4 markah)

- b. Alat pernafasan merupakan salah satu alat yang penting untuk mengehadkan bahagian muka sebagai pelindung apabila berlaku kekurangan oksigen. Senaraikan **LIMA (5)** masalah yang berlaku semasa menggunakan alat perlindungan pernafasan semasa bekerja.

(5 markah)

- c. Pelindungan penafasan merupakan salah satu alat perlindungan diri di tempat kerja. Senaraikan **TIGA (3)** kesan penggunaan pelindungan penafasan beserta **TIGA (3)** langkah penjagaannya.

(6 markah)

SOALAN 4

- a. Aspek keselamatan adalah perkara yang perlu dipandang serius adalah untuk kerja-kerja kimpalan seperti pemotongan, pemetieran, pemanasan dengan menggunakan mesin kimpal, dan peraturan keselamatan perlu diutamakan. Nyatakan **LIMA(5)** langkah keselamatan diri yang perlu dipatuhi.

(5 markah)

- b. Anda ditugaskan sebagai penyelia di syarikat yang menjalankan kerja-kerja kimpalan. Huraikan **LIMA (5)** langkah keselamatan semasa dan selepas melakukan kerja-kerja kimpalan kepada pekerja dibawah jagaan anda.

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam buku jawapan.

SOALAN 1

PULAU PINANG 15 Ogos - Selepas kilang haram pembakaran habuk kayu di Kampung Sungai Lembu, Penanti didakwa menyebabkan pencemaran alam sekitar yang teruk, sebuah lagi kilang salut besi di Kampung Tuk Subuh, Bukit Minyak di sini turut dikatakan mengancam keselamatan penduduk. Kilang itu yang beroperasi sejak 2014 dikatakan membebaskan asap yang bukan sahaja mencemarkan udara, malah menyebabkan penduduk di sekitarnya menderita penyakit kulit yang serius dan sesak nafas.

Seorang penduduk, Ong Cheng Giap, 43, mendakwa, dia serta 11 ahli keluarganya mengalami masalah alahan kulit termasuk gatal-gatal sejak kilang itu yang terletak kira-kira 100 meter dari rumahnya mula beroperasi. Menurutnya, selain masalah alahan kulit, ahli keluarganya terutama kanak-kanak turut mengalami masalah pedih kerongkong dan sakit tekak.

Katanya, pemeriksaan di hospital turut mengesahkan mereka sekeluarga berdepan dengan pencemaran udara dan dipercayai berpunca daripada asap yang dibebaskan kilang berkenaan.

"Sebelum kilang ini beroperasi pada 2014, kami sekeluarga tidak pernah mengalami masalah kesihatan seperti ini. Malah, kami juga tertanya-tanya bagaimana kilang ini boleh diluluskan operasinya di dalam kawasan kampung apabila jarak rumah kami dengan kilang terlalu dekat iaitu kira-kira 100 meter sahaja," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama-sama Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Tang Hiang Lye supaya siasatan dapat dibuat berhubung status operasi kilang tersebut.

Menurut Cheng Giap, dia dan beberapa penduduk lain sebelum ini sudah hampir 10 kali membuat laporan berhubung operasi kilang itu kepada Majlis Perbandaran Seberang Jaya (MPSP) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, namun tiada tindakan susulan diambil mana-mana pihak.

Malah katanya, penduduk juga beberapa kali cuba bertemu dengan tuan tanah di mana kilang itu beroperasi namun gagal kerana pemiliknya enggan bertemu penduduk. Sementara itu, Hiang Lye berkata, pihaknya berharap SPRM dapat menyiasat status operasi kilang tersebut kerana kluatir dilindungi pihak tertentu memandangkan beberapa aduan penduduk terhadap pihak berwajib tidak diambil peduli.

a. Berdasarkan petikan di atas, senaraikan **LIMA (5)** kesan dan **LIMA (5)** langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

(10 markah)

b. Selain pencemaran udara, nyatakan **LIMA (5)** punca pencemaran air yang boleh memberi kesan negatif kepada kita dan **LIMA (5)** langkah mengatasinya.

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

